



**MAJLIS MESUARAT NEGARA**  
**PENYATA RASMI (HANSARD)**  
**MESUARAT PERTAMA**  
**DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21**

**HARI KHAMIS  
28 SYAABAN 1446  
BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2025  
(HARI KEDUA)**

**DEWAN MAJLIS**

Hari Khamis, 28 Syaaban 1446 / 27 Februari 2025

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA**

**HADIR:**

**YANG DI-PERTUA:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbang – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

#### **TIDAK HADIR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Pehin Datu Lilaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas urusan rasmi).

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

**Yang Mulia Jurutulis:** Bismillahir Rahamanir Rahim. Mesyuarat pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kedua pada hari ini Khamis 28 Syaaban 1446 bersamaan 27 Februari 2025 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

**(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Imam Jame 'Asr Hassanal Bolkiah)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahamanir Rahim.  
Assalamualaikum Warrahmatullahi  
Wabarakatuh.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah Rahmat-Nya juga, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi hari kedua di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Saidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut—pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala juga, pada sebelah pagi semalam dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Pada Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis ini dengan sepenuhnya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan baginda bercemar duli dan mengurniakan titah dalam majlis tersebut.

Alhamdulillah, oleh sebab saya mula bercakap pada pagi ini, maka izinkanlah saya memetik beberapa petikan relevan dalam titah Baginda itu. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sesungguhnya amat bernas dan mengandungi banyak nasihat dan panduan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan penuh ikhlas, dedikasi dan komitmen.

Sesungguhnya Baginda menaruh harapan yang tinggi agar Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara memainkan peranan dalam membahaskan perkara-perkara utama termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar Kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat. Baginda juga melahirkan harapan agar persidangan Majlis Mesyuarat Negara akan terus berunding dengan jujur, berfikiran kreatif dan bertindak strategik.

Oleh itu, Ahli-Ahli Berhormat sekalian adalah diharapkan agar dapat berganding bahu dan menjadikan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi wadah untuk melahirkan fikiran yang membina dan positif dalam sama-sama membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara demi menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Alhamdulillah, kita menjunjung setinggi-tingginya kepimpinan, kewibawaan dan

kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang senantiasa mengambil berat dan mengikut perkembangan Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan bagi persidangan mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara ini untuk diadakan dua kali setahun bermula pada tahun ini. Dengan mengemaskinikan pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut peraturan-peraturan mesyuarat atau *standing orders* bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya.

Perubahan ini diharapkan akan mengukuhkan lagi keberkesanannya persidangan melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan. Sewajarnya peraturan-peraturan mesyuarat berkenaan haruslah dihormati dan dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak yang berkenaan bagi menjaga keluhuran dan kemuliaan Majlis Mesyuarat Negara sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak Kerajaan dan rakyat di negara ini.

Dalam hal yang berkaitan, kita juga menjunjung dan menyanjung setinggi pandangan berwawasan Baginda yang melihat akan keperluan bagi penggubalan kod etika bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Ini setentunya akan mengukuhkan lagi profesionalisme Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan meningkatkan integriti Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang kukuh.

Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah bertitah akan beberapa perkara yang berkaitan agenda pembangunan negara. Baginda telah memperkenankan bagi pengemaskinian dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan atau *stateless* untuk diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan seperti mana yang diberikan kepada warga Negara Brunei Darussalam. Ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian tinggi Baginda yang senantiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan kebajikan rakyat dan juga penduduk negara ini.

Berkaitan dengan ekonomi pula, kita bersyukur bahawa usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan ekonomi juga telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Namun usaha-usaha dalam mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kepelbagaian ekonomi haruslah diperkasa dan dipergiatkan dengan mengambil kira kepentingan kepesatan perjalanan teknologi. Semua ini memerlukan pandangan dan buah fikiran daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk sama-sama memikirkan mengenai isu-isu strategik yang berkepentingan untuk

dikemukakan melalui perundingan dan permuzakarahan yang teratur dan terarah dalam suasana perdebatan yang konstruktif di dalam dewan yang mulia ini mahupun di luar.

Dalam masa yang sama, pihak-pihak yang berkenaan haruslah mengambil perhatian dan meneliti dengan sebaik-baiknya cadangan dan buah fikiran yang dikemukakan itu semata-mata bagi kepentingan rakyat dan negara.

Setentunya usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 bergantung kepada penglibatan usaha gigih dan kerjasama berterusan daripada semua pihak dan semua lapisan masyarakat untuk bertindak dan bersatu sebagai senegara atau *whole of nation approach*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkanlah saya sekarang untuk mengakhiri ucapan ini dengan petikan daripada syair perlombagaan yang saya kira dapat jadikan sebagai inspirasi dan pegangan untuk menghidupkan suasana perbincangan dalam dewan yang mulia ini.

Tumpukan hati kepada negara,  
saudara sahabat setulus mesra,  
sepakat bermuafakat menjalankan  
perkara, bagi kebajikan rakyat sugara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan niat yang murni dan berpandukan semangat jitu yang menjurus kepada pembangunan negara, maka saya berpandangan perbincangan kita dalam dewan yang mulia ini boleh dijalankan dengan baik semata-mata demi kebaikan negara yang kita cintai ini.

Semoga segala usaha suci yang dicurahkan dengan ikhlas akan membawa hasil yang kita sama-sama hasratkan, Insya-Allah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan dapat meneliti seterusnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan 21 Majlis Mesyuarat Negara di dalam perkara seterusnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita ada perkara-perkara yang kita perlu selesaikan dan saya ingin mencadangkan agar kita berpindah ke perkara seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Usul menjunjung kasih yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, kaola ingin mencadangkan satu usul yang berbunyi, majlis ini bersetuju meluluskan satu usul bagi menyembahyang sepenuh-penuhnya menjunjung tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke majlis ini dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis adalah menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mohon untuk meneruskan ucapan.

Bismillahir Rahmanir Rahim.,  
Alhamdulillah (*Doa dibaca*).  
Assalamualaikum (*Doa dibaca*).  
Terjemahannya 'Lapangkanlah bagiku dadaku dan mudahkanlah bagiku urusanku dan lepaskanlah kekakuan daripada lidahku supaya yang mendengar ucapanku akan faham perkataan-perkataanku'

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana rahmat dan izin-Nya kaola sempat lagi dan dapat berucap dalam Dewan yang mulia ini. Sehubungan itu, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas laluan yang diberikan semoga menepati hajat dan tujuan untuk mengusulkan sebagaimana yang kaola bentangkan sebentar tadi.

Sesungguhnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi semalam itu, kita

telah mendengar dengan penuh perhatian terhadap perkara-perkara strategik yang telah baginda titahkan yang mana Yang Berhormat Yang Di-Pertua telah pun merumuskannya sebentar tadi. Ia berkaitan dengan Majlis Mesyuarat Negara ini yang mana baginda dengan suka cita, yang ini penting, telah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang telah ditunjukkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini.

Pada hemat kaola, komitmen Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang baginda sebutkan itu sangat strategik dalam kaitannya dengan usaha dan harapan baginda terhadap kemajuan untuk keberkesanan Majlis Mesyuarat Negara seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan negara dengan perlaksanaannya yang sementara seperti sekarang adalah unik. Keunikannya itu bagaimanapun tidaklah mengurangkan fungsinya sebagai wadah permesyuaratan iaitu permesyuaratan secara terbuka seperti adanya kita sekarang di Dewan ini.

Hal ini bertepatan sekali dengan proses kemajuan Perlembagaan Negara, (Pindaan) 2004 yang permashyurannya dengan majlis penandatanganannya telah berlangsung pada 14 Syaaban 1425 bersamaan 29 September 2004.

Tegasnya kaedah atau sistem permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara setakat yang dilaksanakan sekarang adalah suatu langkah berhati-hati sebelum meneruskan langkah-langkah selanjutnya. Dalam proses berhati-hati itulah termasuk dengan bijaksana memperkenalkan pembaharuan-pembaharuan yang munasabah seperti tambahan kekerapan permesyuaratan majlis ini menjadi dua kali setahun, bermula tahun ini yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat, *Standing Orders* bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya. Selain itu, baginda juga melihat akan keperluan bagi penggubalan kod etika Ahli-Ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dengan berkesan dan berintegriti tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai Majlis Mesyuarat Negara ini, kaola ingin merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Menandatangani Permasyturan Perlombagaan Negara (Pindaan) 2004 di mana baginda menyatakan kepercayaan dengan bertitah bahawa "...beta percaya bahawa rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menaruh harapan tinggi kepada kerajaan dalam apa jua yang berkaitan dengan masa depan mereka..."

Oleh itu, marilah kita sama-sama memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan serta senantiasa pula memastikan kestabilan yang dinikmati selama ini adalah terus dipelihara dengan baiknya". Maka pada hemat kaola, penghargaan tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik adalah terhadap komitmen yang telah mereka tunjukkan dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dengan rakyat di negara ini.

Ertinya komitmen sedemikian itu menandakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sedang menjalankan peranan dalam proses mengukuhkan kaedah permesyuaratan yang menepati semangat syura' iaitu permesyuaratan atau perundingan dalam cara dan dengan semangat mencari huraian masalah untuk mendapatkan keputusan yang kukuh, berfaedah dan diterima baik untuk kepentingan umum.

Sedemikian itu syura' atau permesyuaratan yang sebenarnya menurut ajaran agama kita, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan memang itu pun sudah berakar umbi dalam budaya dan cara hidup kebruneian kita. Firman Allah Subhanahu Wa'taala dalam perkara ini (*ayat al-quran dibaca*) maksud ayat: "dan urusan diputuskan dengan permesyuaratan bersama

mereka” Surah As-Syura, Ayat 38. Maknanya Allah Subhanahu Wata’ala memperakarkan masyarakat yang inginkan kebaikan bagi mereka adalah mengurus hal ehwal mereka dengan permesyuaratan dalam semangat sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam titah semalam.

Seterusnya ayat yang lain pula menyebutkan dalam surah Al-Imran, Ayat 159 (*ayat al-quran dibaca*) "...dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan yang penting, pada zaman itu dalam urusan menghadapi peperangan dan permasalahan keduniaan..." Ini tafsiran yang muktabar mengenai ayat ini. Kemudian apabila engkau, al-mukhatab *address to* Rasulullah saw dari Subhanahu Wata’ala ‘kemudian apabila engkau telah berazam untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat maka bertawakallah kepada Allah melaksanakannya’. Maknanya urusan kita yang menginginkan kebaikan adalah secara permesyuaratan itu satu. Dan yang kedua, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam diperintahkan untuk bermesyuarat dalam perkara-perkara yang besar seperti peperangan dan termasuklah perkara-perkara keduniaan.

Jadi dalam mesyuarat itu apabila terjadi berbagai-bagai buah fikiran, percambahan fikiran bahkan mungkin sampai menimbulkan niza’ ataupun pertikaian pendapat maka kuasa pemutus diberikan kepada Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wassalam, (*ayat Al-quran dibaca*) jadi pemutusan itu diberikan kepada walil amri setelah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam, (*ayat al-quran dibaca*) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut Perlembagaan adalah sedemikian itu mempunyai kata putus terhadap apa jua jika sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat diselasaikan dengan sebulat suara atau pun keputusan majoriti maka perkara itu adalah terserah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sesuai dengan kehendak ayat ini.

Oleh itu, sekalipun perlaksanaan sementara kaedah permesyuaratan yang ada sekarang dan telah berlangsung sejak lama sebelum Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Pindaan 2004 sebelum itu pun Brunei sudah pun mempunyai Perlembagaan, iaitu Perlembagaan bertulis sejak tahun 1959 dan mengandungi elemen-elemen seperti ini.

Kelihatan dahulu dan sekarang ini kelihatannya unik dan malah kalau di luar sana masih ada yang melihat sebagai walih dari orang lain kerana di luar sana melihat juga di luar membanding-bandtingkan dengan kita yang ada di dalam ini. Tapi kita mengatakan inilah uniknya kita Brunei dan walihnya kita, Brunei dengan apa yang dilihat dan ditonton di luar negeri yang mana tidaklah sepatutnya untuk mengurangkan nilai atau diragukan

tentang kepentingan dan kegunaan Majlis Mesyuarat dalam keadaannya yang unik dan walih kerana itulah Brunei kita.

Sebab dalam masa yang sama kita melihat dan mengetahui kaedah atau sistem permesyuaratan orang lain yang mana kita pun dapat dan tahu menilai kesesuaianya untuk rakyat dan negara masing-masing yang tentu keadaan sosial-politiknya tidak sama dengan kita di Brunei.

Namun kita bersyukur, Pehin Yang Di-Pertua. Brunei negara kita yang kecil molek ini adalah negara yang sama berdaulat dengan berpenduduk tidak pun sampai kiraan juta orang atau pun setengah juta. Kalau dibanding bilangan penduduk kita sekecil itu, kalau dalam statistik penduduk lebih dari 450 ribu lah. Tidak pun sampai setengah juta, 500 ribu. Kalau dibandingkan dengan sesetengah negara di luar Brunei.

Bilangan kita yang tidak sampai 500 ribu itu adalah merupakan keramaian atau bilangan pengundi-pengundi di sesuatu kawasan undi bagi sebuah negara yang rakyatnya ramai. Jadi kita dalam 450 ribu itu kalaularah dipecah-pecahkan menjadi bilangan kita di sini dengan latar belakang untuk apa namanya itu masing-masing baik di dalam atau di luar untuk *berfikir political mileage* dalam setiap perbincangan maka alangkah kampung kita yang berjiran dengan kampung sana mungkin berselisih selama-lamanya disebabkan cardi dalam ini.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, kita di Dewan ini tentu bijak untuk

menerima hakikat bahawa Majlis Mesyuarat Negara kita sekarang adalah dalam proses kemajuan dan perkembangannya. Dalam proses itu adalah bijak sekali untuk kita terus berhati-hati dan dalam berhati-hati itu kita perlu terus menggunakan struktur organisasi akar umbi yang sedia ada, iaitu Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Perundingan Kampung, Pertubuhan-Pertubuhan Sosial Budaya dan kebajikan bahkan sukarelawan-sukarelawan. Semuanya ini adalah merupakan akar umbi yang sedia ada. Dalam mengembangkan permesyuaratan dalam Majlis ini kita boleh mengambil bahan-bahan atau pun dengan menggunakan struktur organisasi yang sedia ada itu.

Bukan saja Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hemat kaola Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, bukan saja Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik patut menggunakan saluran struktur organisasi-organisasi yang sedia ada itu bahkan kita Ahli-Ahli Rasmi Dewan ini pun dari sekarang untuk nantinya diikuti, dijejaki oleh Ahli-Ahli Rasmi yang akan datang untuk sama-sama turun padang menyahut titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan integriti, berkewibawaan sama berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Berkaitan dengan kedudukan ekonomi, kaola terus saja merantas, Pehin Yang Di-Pertua. Kebawah Duli Yang Maha

Mulia bertitah usaha dalam mempelbagaikan ekonomi juga sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Baginda memetik perangkaan - perangkaan yang menunjukkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK bagi sektor bukan minyak dan gas yang telah menunjukkan kemajuan yang ketara dari segi purata pertumbuhan sepanjang tempoh tahun 2017 sehingga 2023 sebanyak 4.3% setahun dan tempoh yang sama itu juga pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan yang disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perdagangan dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 2.5% dengan itu baginda menyatakan keyakinan. Insya-Allah. Kita akan terus memacu pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti-aktiviti perekonomian baru yang akan menjana aktiviti-aktiviti tambahan dalam sektor hiliran minyak dan gas menjadikan negara sebagai hub bagi sektor kimia pembuatan dan makanan dan meneroka aktiviti-aktiviti peralihan tenaga ke arah persekitaran yang mampan.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua tentu saja ke semua itu menggembirakan. Namun sebagaimana titah baginda kita tidak boleh berpuas hati yang mana kaola fahami kita tidak boleh berpuas hati itu adalah dalam makna memadai setakat yang dicapai dan diperolehi meskipun ia diterima dengan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat-Nya kepada Brunei dan sekalian isinya. Ertinya terima setakat itu tetapi kita tidak

sepenuhnya menepati erti kata bersyukur yang dikehendaki oleh Allah Ta'ala dengan firman-Nya (*Ayat Al-quran dibaca) Surah Ibrahim ayat 7.*

Maksudnya, Allah Ta'ala sudah menyediakan apa-apa yang ada di bumi, dan kebetulan kita berada di bumi yang daratannya dan lautannya berisi minyak dan daripada awal penghujung tahun 20-an dan pada awal tahun 30-an negara kita Brunei telah menikmati hasilnya.

Hasilnya terlalu banyak bagi penduduk kita pada masa itu dan apa yang telah digunakan dengan hasil itu? Pada masa itu, kekuasaan eksekutif bukan di tangan Brunei. Jadi, mengikut analisa dan sesetengah analisa sejarah, yang berkuasa pada masa itu kuasa asing, tidak berani menggunakan hasil yang banyak itu untuk membangun Brunei.

Pertama, mengikut analisa mereka takut Brunei akan jatuh miskin semula dan membebankan mereka untuk membayar hutang Brunei kerana itulah berjimat-jimat. Tapi alhamdulillah, dengan pertukaran pemerintahan Beraja kepada seorang raja iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam tahun 50-an, keadaan itu mulai berubah.

Tetapi perubahan itu tidaklah sedrastik mana yang diharapkan. Memang sejarah juga membuktikan Al-Marhum pada masa itu sangat berhati-hati, bukan untuk berbelanja, sangat berhati-hati untuk meluluskan kehendak pihak eksekutif bagi mendatangkan orang asing ke Brunei dengan alasan untuk

membangun Brunei, alasan untuk membangun jalan raya memerlukan tenaga kemahiran asing untuk memajukan estet. Mungkin Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien mempunyai pengalaman apa yang terjadi di negara jiran.

Kalau sedemikian itu, semacam *exodus* dari luar masuk menjadi penduduk di negara ini, tidak seperti sekarang ini keadaan kita seperti apa yang kita ketahui di luar negeri. Jadi, Al-Marhum setakat berpada-pada mendapatkan pembangunan masjid, pembangunan sekolah SOAS dan sekolah SMJA dan beberapa sekolah di pedalaman dan mengadakan perkhidmatan kesihatan. Inilah yang menepati dan yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hasil yang didapati daripada rahmat Allah yang ada di Brunei iaitu minyak dan kemudian dalam tahun 70-an, gas dipergunakan untuk sebaik-baiknya. Apabila ia dipergunakan, tidak disiasaikan, tidak disalahgunakan, apalagi dengan cara yang tidak halal dan sebagainya. Maka jika sedemikian itu terjadi, Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kufur nikmat akan menimbulkan akibat-akibat yang buruk terhadap orang yang menerima nikmat.

Jadi, mengakui adanya kemajuan setakat yang kita capai sekarang ini, alhamdulillah dan memang tepat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan

tidak patut berpuas hati setakat apa yang ada kerana Allah Subhanahu Wata'ala mengusahakan, syukurilah ia, dalam erti kata mempergunakannya dengan sebaik-baiknya dan tidak mensia-siakannya kerana itulah ada industri seperti di Muara, di Liang dan sebagainya dan berbagai usaha.

Ertinya dengan itu, akan menambah nilai kepada hasil yang sedia ada. Walaupun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memetik perangkaan kitani masih lagi bergantung kepada hasil minyak dan gas, tetapi pergantungan itu mengikut angka, maafkan saya kaola salah menggunakan angka dalam konteks ucapan ini, maksudnya dalam 13 tahun terakhir bermula dari 2010 hingga 2023, *GDP share by non-oil and gas sector* pada tahun 2010 adalah 36.3%. Sementara *oil and gas sector* melebihi 60% iaitu 63.7%. 10 tahun setelah itu, pada tahun 2023 *non-oil and gas sector* adalah bertambah menjadi 52.7% dan sektor *oil and gas* menjadi 47.3%.

Jadi maknanya, usaha-usaha yang dilakukan dalam pembangunan ekonomi. Alhamdulillah Yang Berhormat Pehin, kaola sukacita mengulang kepercayaan kaola dalam perbualan-perbualan di luar seperti ini, bahawa Brunei, alhamdulillah, mempunyai generasi baharu berkat pendidikan yang terbuka yang banyak menjadikan generasi itu generasi yang berpelajaran dan berpendidikan, sebahagianya yang menguasai ilmu-ilmu tertentu bukan sahaja dalam ilmu

agama, bahkan dalam bidang-bidang profesional yang lain. Mereka inilah yang menjelamai Brunei dan seterusnya generasi-generasi seperti inilah yang akan menjelamai Brunei pada tahun 2035 dan seterusnya. Tinggal lagi mereka ini memerlukan satu asuhan pendidikan yang akan menjadikan mereka itu *fully committed* kepada idealisme-idealisme Brunei sebagai sebuah negara dalam syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien juga.

Kalau tadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua memetik Syair Perlembagaan dalam konteks mesyuarat kitani ani, tetapi kaola ingin memetik satu rangkap daripada Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam Syair Nasihat baginda:

Bidalan Islam Bagai Umpama,  
Pemimpin Negara Yang Ternama,  
Bendera Islam Misal Utama,  
Berdasarkan Hukum Yang Kelima.

Bendera Islam Pakin Negerinya,  
Ketua Negara Benar Tiangnya,  
Rakyat Sekalian Jadi Pasaknya,  
Baharulah Baik Peraturannya.

Jadi, inilah yang meminta komitmen terutama sekali dari generasi-generasi baharu selain daripada apa yang disyairkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien tadi dan beberapa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu anakanda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang memerintah

pada masa ini sangat penting untuk dihayati oleh generasi-generasi yang baharu.

Yang Berhormat Pehin, kaola panjang sudah bercakap anji, jadi kaola inda lagi akan menyentuh yang lain-lain atau selain daripada Yang Berhormat Pehin sudah merumuskannya dan kaola percaya rakan-rakan di sini dan sahabat-sahabat di sana dalam ucapan menyokong Usul ini akan menyentuh hal-hal yang lain terutama sekali kesemuanya itu sebagaimana ucapan Yang Berhormat Pehin adalah menampakkan tentang sikap dan kepimpinan serta keprihatinan baginda terhadap rakyat dan negara ini.

Keprihatinan sedemikian ini misalnya mengenai *stateless* yang diperkenankan bagi Kementerian Kesihatan untuk membuat struktur menjadikan mereka itu turut sama menikmati kemudahan-kemudahan yang ada dalam bidang perubatan sepertimana rakyat. *Stateless* yang tidak punya negara tetapi bermastautin dan menetap di negara kitani, bukan juga rakyat sehingga mereka layak untuk menjadi rakyat di bawah Undang-Undang Taraf Kebangsaan dan sementara itu, mereka tidak dapat menikmati sepenuhnya apa yang dinikmati oleh rakyat.

Dan dalam hal ini, perkenan telah diberikan, itu menunjukkan suatu perhatian seorang raja yang sangat mengambil berat tentang kesejahteraan penduduk dan rakyatnya yang layak untuk difikirkan bersama. Jadi kaola percaya semuanya itu akan termasuk

dalam ucapan menjunjung kasih daripada rakan-rakan dan juga sahabat-sahabat. Maka sekali lagi kaola mengumumkan dan percaya usul yang kaola ucapkan/sampaikan tadi akan mendapat sokongan dan seterusnya akan diluluskan di Dewan ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kita telahpun mendengar satu usul yang telah dicadangkan dan sekarang saya mempersilakan seorang Ahli Yang Berhormat untuk menyokong usul tersebut.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya usul yang telah dicadangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul yang telah dibawa telah pun disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sebelum membuka usul ini untuk dibahas, saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan

usul adalah dihadkan kepada 15 minit setiap Ahli Yang Berhormat.

Sekarang, bagi memulakan perbahasan usul ini, saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Johan Pahlawan Dato Seri Setia  
Awang Haji Adanan bin Haji Mohd  
Yusof:** Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa  
dibaca*)

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola dengan hormatnya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kesempatan dalam menyokong usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas keberangkatan Baginda dan seterusnya mengurniakan titah bersempena dengan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Rabu, 27hb Syaaban 1446 bersamaan dengan 26 Februari 2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di Negara Brunei Darussalam yang bertuah ini semestinya lah kita semua bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana dengan kepimpinan, kewibawaan, kebijaksanaan serta keperihatinan yang mendalam Baginda membolehkan kita semua rakyat dan penduduk negara ini terus menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dalam suasana kehidupan yang aman damai, makmur, penuh keharmonian dan stabil semata-mata bagi mempastikan keperluan, kepentingan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini sentiasa terjamin dan sekaligus Insya-Allah negara ini akan kekal sebagai negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, apabila kita mengamat-amati sesungguhnya akan intipati kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21 Majlis Mesyuarat Negara mengandungi hikmah serta

impact yang signifikan dan sangat tinggi nilainya perlu dijulang dan dijunjung sepenuhnya untuk dijadikan sebagai inspirasi, panduan dan hala tuju dalam kita bersama-sama merealisasikan hasrat murni Baginda yang berpandangan jauh dan penuh keperihatinan melangkaui pelbagai perspektif dalam agenda pembangunan sosio ekonomi negara yang lebih dinamik dan *sustainable* semata-mata menjurus ke arah mengukuhkan dan memantapkan kualiti kehidupan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini sekali gus bersama-sama menggerak rancakkan lagi pencapaian negara menuju ke arah Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kaola bagi mewakili Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga secara peribadi dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas penghargaan dan kepercayaan Baginda sebagaimana dalam kurnia titah Baginda atas komitmen dalam bersama-sama berusaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak Kerajaan dan rakyat di negara ini.

Seterusnya juga, Baginda mengambil perhatian berat dengan mengurniakan titah menjelaskan kepentingan peranan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk membahaskan perkara-perkara utama termasuk memberikan maklum balas

terhadap setiap dasar Kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Dalam perkara ini, bagi pihak Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sangat-sangat menjunjung sepenuhnya akan kurnia titah Baginda tersebut dan Insya-Allah dengan petunjuk serta hidayah Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan sedaya upaya kami akan sentiasa memberikan kerjasama yang padu seterusnya meningkatkan usaha dan komitmen dalam mengongsikan lebih luas lagi pendapat, pandangan, input dan permuzakarahan secara terbuka dengan pihak yang berkepentingan termasuk pihak Kerajaan.

Apa yang diharapkan, agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan akan dapat meneliti secara terperinci seterusnya mempertimbangkan dengan sewajarnya apa jua input dan cadangan yang strategik lagi positif serta bernalas dalam bersama-sama berusaha menggerak majukan serta melaksanakan transformasi menjurus ke arah keberkesanan perancangan strategik atau satu dasar yang lebih cemerlang semata-mata demi kepentingan, kemaslahatan dan kesejahteraan negara.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih malahan menyambut baik sepenuhnya akan kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap

perubahan kekerapan persidangan majlis ini iaitu kepada 2 kali setahun mulai pada tahun ini. Ini termasuklah mengemaskinikan asas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat *Standing Orders* bagi setiap Ahli yang mempraktikkan sepenuhnya.

Dalam perkara ini, kaola menyokong sepenuhnya dan seterusnya berpendapat kekerapan Persidangan Majlis Mesyuarat dua kali setahun ini, adalah satu transformasi yang positif bagi memberikan peluang secara meluas, mengutarakan sebarang pendapat dan idea dalam memperbincangkan sesuatu isu dasar yang lebih fokus dengan pendekatan lebih komprehensif, lagi penuh penelitian yang mampu, Insya-Allah, menghasilkan impak yang positif atau keputusan yang terbaik semata-mata bagi kepentingan negara.

Di samping ini juga, pendekatan ini juga bagi membolehkan mengikuti atau *follow-up* apa jua perkembangan atau proses perlaksanaan dasar, projek, inisiatif dan program kerajaan bagi memastikan bagi dapat diimplementasikan mengikut rangka kerja dan masa yang ditetapkan.

Apa jua masalah atau isu yang berbangkit menyebabkan pelaksanaan yang tergendala akan dapat diperbincangkan punca ataupun *root cause* nya dan dikenalpasti tatacara penyelesaiannya supaya ia tidak menjelaskan kepentingan, kesejahteraan, kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaola juga berpendapat dengan adanya pembaharuan dan kemaskinian ini dalam Majlis Mesyuarat Negara yang dimaksudkan, Insya-Allah, ia akan dapat kita pertingkatkan lagi imej dan prestasi Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, menyentuh mengenai ekonomi negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah antara prestasi pelbagai ekonomi juga sudah menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Antara lainnya, kemajuan yang dimaksudkan ialah peniagaan yang ialah sektor hiliran minyak dan gas yang telah mengalami peningkatan yang luar biasa dengan jumlah sumbangan KDNK pada harga tahap meningkat daripada 136 juta ringgit pada tahun 2017 kepada 1,241 juta pada tahun 2023. Apa yang jelas ialah penumbuhan industri petrokimia telah menghasilkan produk seperti petroleum, metanol dan *urea* lebih menjadi pemacu utama.

Selain itu, sektor perekonomian juga mencatatkan peningkatan iaitu daripada 148.5 juta ringgit pada tahun 2017 kepada 1,720 juta ringgit pada tahun 2023 dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 2.5% yang disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan. Dalam perkara ini, Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, prestasi

ekonomi negara telah beransur-ansur menunjukkan peningkatan yang positif dan pihak kerajaan juga terus berusaha mempergiatkan lagi banyak aktiviti-aktiviti perekonomian dan perniagaan yang mendatangkan *spin-off effect* bukan sahaja kepada peniaga-peniaga tempatan tetapi juga menjana peluang-peluang pekerjaan tempatan sekaligus meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara dan keluaran dalam negeri kasar.

Baginda selanjutnya menekankan perlu melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan perkhidmatan awam serta industri-industri baru dalam mengambil kira kepesatan teknologi.

Kaola berpendapat dalam menyahut kurnia titah Baginda tersebut adalah sangat penting untuk diambil perhatian oleh agensi-agensi yang berkepentingan mengikut sektor masing-masing untuk terus mereview dan menilai strategi untuk inisiatif yang sedia ada untuk ditransformasi bukan sahaja ke arah memastikan efisiensi serta keberkesanannya lebih menyerlah dan cemerlang malahan juga berupaya meningkatkan produktiviti dan hasil-hasil negara yang lebih mapan.

Untuk menjayakan sudah setentunya juga memerlukan kerjasama, keseragaman dan pensejajaran *policy* dikalangan agensi-agensi yang berkepentingan dengan mengambil kira

kaedah bersepada yang holistik serta lebih efisyen, efektif dan pemudah cara sejajar dengan *whole-of-government approach*.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan ahli Majlis Mesyuarat Negara, ahli-ahli Yang Berhormat, dalam dewan ini kaola ingin menyentuh secara khusus betapa pentingnya industri pelancongan yang mana antaranya telah juga disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ianya ialah juga salah satu sektor yang telah dikenal pasti dalam *economic blueprint* berpotensi mendatangkan impak yang signifikan kepada ekonomi negara.

Ini bukan sahaja berdaya mengembang luaskan industri aliran yang lain seperti pengangkutan, perhotelan, perkhidmatan, produk tempatan, *food and beverages*, malahan meningkatkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan. Di samping itu, ia berupaya menjana pendapatan bukan saja kepada kerajaan tetapi juga kepada peniaga-peniaga dan orang awam.

Negara-negara ASEAN yang lain telah bergerak rancak dan giat bersaing dengan usaha meningkatkan promosi pelancongan dengan lebih agresif menyedari potensi sektor ini mampu meningkatkan pendapatan dan seterusnya memantapkan perekonomian yang lebih mantap. Pihak-pihak berkepentingan perlulah mengambil perhatian yang lebih serius dan langkah-langkah yang agresif untuk

meningkatkan promosi industri pelancongan di negara ini. Apatah lagi negara ini mempunyai keistimewaan dan kekuatan dari aspek keadaan negara yang aman damai, *stable*, persekitaran, keselamatan dan kebudayaan tradisi yang unik serta eko pelancongan yang menarik.

Akan tetapi apa yang diperhatikan sektor pelancongan di Brunei ini belum lagi *di optimisekan* dengan sepenuhnya oleh semua sektor yang berkepentingan khususnya agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan tetapi bergantung sepenuhnya semata-mata kepada peranan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tren kenaikan pelancongan di negara ini mencerminkan potensi besar negara berupaya meningkatkan menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkepentingan semestinyalah bekerjasama dan mendukung sepenuhnya dengan mengambil pendekatan *whole of government approach* bagi bersama-sama menuju ke arah yang dihasratkan demi meningkatkan, meningkat majukan lagi industri pelancongan yang lebih tersalah dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang antara lainnya termasuklah juga bagaimana kitani untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan awam dan infrastruktur yang berkualiti termasuklah sistem pengangkutan yang *accessible* dan efisien serta dari aspek tandas awam yang bersih.

Menetapkan cara dan promosi dalam menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara ini yang antara lainnya melalui *social media* dan juga bagaimana kita menambahkan lagi banyak *connectivity* penerbangan yang melibatkan banyak syarikat-syarikat penerbangan di negara ini. Itu adalah salah satu daripada cabaran-cabaran yang harus kita hadapi.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan ahli Majlis, Yang Berhormat, izinkan kaola sedikit lagi kan menghabiskan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Dalam menanai dan menjunjung tinggi sepertimana yang dimaksudkan dalam titah Baginda tersebut, marilah kita bersama-sama berganding bahu, bekerjasama, Bersatu-padu lagi berkorban dengan meningkatkan usaha dengan lebih gigih dan lutanan lagi dedikasi dalam menyumbangkan khidmat bakti mengikut kepakaran kemahiran dan tugas masing-masing dalam menjayakan apa yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bukan sahaja dalam kalangan kita selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan ini, malahan juga di semua sektor awam, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan keseluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam ini dalam usaha bersama memastikan insya-Allah suatu dasar atau rancangan negara mencapai kejayaan dengan penuh kecemerlangan seperti iktibar pepatah orang tua-tua

kitani "muafakat membawa berkat, yang berat sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian".

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, akhirnya mengambil sukut baik dan tabarruk bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini marilah kita semua bersama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon syafaat junjungan besar kita, Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan petunjuk, taufik hidayah dan rahmat serta dilanjutkan usia dalam keadaan sihat walafiat dengan penuh kesejahteraan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya Negara Brunei Darussalam sentiasa aman makmur, berkembang maju lagi dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala Amin amin Ya Rabil Alamin.

Sekian. Wabillahittaufiq wal hidayah.  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Laila Setia Dato Seri Setia Awang  
Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:**  
Bismillahir Rahamanir Rahim.  
*(Doa dibaca).*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Lebih dahulu izinkan kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi laluan kepada kaola untuk sama-sama menggabungkan diri untuk menyatakan sokongan terhadap usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat ini pada hari Rabu, 26 Februari 2025 semalam dan seterusnya di atas limpah kurnia titah baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut seperti usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Alhamdullilah, kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahkan setinggi-tinggi

menjunjung kasih kehadapan majlis baginda di atas kurnia titah yang begitu bernes dan penuh nasihat, hikmah dan penuh pengajaran untuk kita amat-amati, junjung dan jadikan iktibar dan panduan dalam kita melaksanakan tugas dan amanah yang dipikulkan kepada kita. Titah ini juga mencerminkan kebijaksanaan dan kewibawaan serta menggambarkan hasrat murni, harapan tinggi serta komitmen penuh baginda ke arah kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya dalam memelihara perpaduan, keamanan dan kemakmuran negara melalui pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mampan, berdaya tahan dan inklusif supaya manfaatnya akan dirasai oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kekerapan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan diadakan dua kali setahun bermula tahun ini termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat, *Standing Order* menggambarkan keyakinan, kepercayaan dan harapan tinggi baginda terhadap peranan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini dalam memajukan agenda pembangunan terutamanya dalam membahaskan perkara-perkara utama yang

menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat. Kaola secara peribadi menjunjung penuh dan menyokong setinggi-tingginya di atas limpah kurnia titah baginda ini dan percaya sebagaimana jua hasrat baginda perubahan-perubahan ini akan mengukuhkan lagi keberkesanannya persidangan melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan.

Jika diamat-amati secara mendalam intipati titah ini juga mengajak kita semua di sini selaku ahli-ahli majlis ini untuk menguatkan iltizam, bersatu padu, berganding bahu seiring sejalan untuk menyokong dan merealisasikan hasrat ini dalam langkah kita sama-sama menuju matlamat Wawasan Brunei 2035 yang akan menjadikan negara ini sentiasa aman makmur, damai sejahtera di bawah pimpinan bijaksana dan prihatin baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyatnya sentiasa dalam kesejahteraan dan kebahagiaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdullilah kaola bersyukur ke hadrat Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dan kepimpinan bijaksana dan berwawasan baginda juga, inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan sumbangan syarikat usaha sama *GLC* dan pelaburan asing langsung *FDI* dalam sektor industri hiliran telah berjaya mengubah landskap

ekonomi negara secara positif. Industri-industri ini seperti *petrochemical* dan *Brunei Fertilizer Industries* yang beroperasi penuh pada tahun 2022, Alhamdulillah, telah menunjukkan kemajuan yang ketara dan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan KDNK pada harga tetap yang berlipat ganda dan peningkatan eksport dalam sektor bukan minyak dan gas di samping dapat meningkatkan sumbangan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan.

Jika kita amat-amati industri hiliran ini juga telah menyumbang ke arah membuka banyak peluang pekerjaan baru dan berkualiti pada anak-anak tempatan yang kesan sepenuhnya telah dapat meningkatkan sumbangan kepada industri sampingan. Ke arah itu kaola mengucapkan tahniah dan syabas dan seterusnya mengalu-alukan usaha berterusan negara dalam memacu pertumbuhan perekonomian baharu seperti pengeluaran *petroleum intermediate derivative* yang akan menjana aktiviti tambahan dalam sektor hiliran minyak dan gas menjadikan negara sebagai hub bagi sektor kimia dan berkaitan. Ini menunjukkan bahawa strategi negara dalam menggunakan ataupun *capitalize* sumber pembekalan minyak dan gas sebagai tarikan bagi menarik FDI yang bergiat dalam industri hiliran. Alhamdullilah telah menampakkan hasil yang memberangsangkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Walau bagaimanapun di samping kita bersyukur

di atas usaha yang sedia ada, yang telah memberikan hasil yang begitu positif kepada kita seperti juga titah nasihat baginda dalam waktu yang sama, negara juga perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor lain seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan industri-industri baharu. Titah baginda ini secara langsung menghendaki kita sentiasa berpandangan jauh dan berusaha gigih meneroka peluang-peluang baru bagi menjadikan ekonomi negara lebih *sustainable*, dinamik dan inklusif. Sektor-sektor pendidikan, kesihatan dan pelancongan misalnya mempunyai potensi untuk dikembangkan majukan memandangkan prasarana yang telah sedia ada di negara ini.

Ke arah merealisasikan perkara ini ia sudah setentunya akan memerlukan kita untuk meneliti dan memperkenalkan strategi-strategi baru yang *feasible* termasuk dengan mengambil kira perkembangan semasa serantau dan antarabangsa lebih-lebih lagi perkembangan teknologi yang pesat dan semakin canggih dan sentiasa berubah dengan inovasi dan kreativiti masa kini dan akan datang. Ini sudah setentunya akan menjadi nilai tambah negara dalam merangka dasar yang bakal digubal termasuk *FDI* yang akan di bawa masuk dan kolaborasi dengan pihak-pihak yang berminat dan berkepentingan, *strategic alliance* terutamanya dari luar negara.

Bagi menepati strategi ini, kaola berpendapat *implementation action plan*

yang terdapat dalam *economic blueprint* yang sedia ada perlulah diperkuuhkan dan dikemaskinikan supaya ianya lebih fleksibel dan dinamik termasuk dalam usaha melibatkan semua *stakeholders* khususnya masyarakat bisnes bagi mendukung dan menyokong dasar ini sebagai mempraktikkan amalan *whole of nation approach*. Tidak kurang pentingnya juga institusi *frontline* yang dianggap utama bagi penggubalan dasar serta pelaksanaan strategi pertumbuhan ekonomi negara terutamanya yang bertanggungjawab untuk menarik *FDI* khususnya perlu diperkuuhkan dari segi strategi, kepakaran, kapasiti dan sumbernya supaya ianya setanding dengan kewibawaan dan keterampilan agensi-agensi di negara-negara lain di rantau ini yang telah berjaya membawa masuk Pelaburan Langsung Asing dalam berbagai sektor ke negara masing-masing.

Begitu juga dasar mesra perlancongan, *connectivity* dan penyediaan infrastruktur perindustrian dan pelancongan yang *industry ready* adalah penting untuk dipertingkatkan ke arah menarik lebih banyak *FDI* dalam sektor yang telah dititahkan. Ini bukan sahaja akan menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing baru malahan juga bilangan pelancong ke negara ini. Insya-Allah, ini akan dapat meningkatkan *inclusiveness* dan menghasilkan *ripples and spin of effects* kepada aktiviti ekonomi domestik terutamanya dalam sektor *hospitality*, kewangan dan perkhidmatan yang berkaitan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekali lagi kaola menyuarakan sokongan ke atas Usul Menjunjung Kasih atas keberangkatan dan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Upacara Perasmian Mesyuarat ini semoga kita semua mendapat tunjuk taufik dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Kita berdoa semoga sumbangan kita di Majlis ini akan dikurniakan keberkatan dan manfaat bagi kesinambungan bukan sahaja bagi generasi masa ini, malahan generasi penerus yang akan datang Insya-Allah.

Mengambil iktibar di bulan Ramadhan yang akan kita alami pada dua, tiga hari yang akan datang, kaola juga berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh Kerabat Diraja akan sentiasa sihat walafiat, dikurniakan nikmat lanjut usia, taufik dan hidayah, keberkatan dan kebahagiaan, perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala kekal karar memerintah negara dengan penuh keredhaan, kesejahteraan dan kemakmuran dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan berterusan, dikurniakan kesejahteraan, rahmat dan nikmat Allah Allah Subhanahu Wata'ala Sekian, wabillahi taufik wal hidayah,

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:**  
Bismillahhir Rahmanir Rahim (*Doa dibaca*).

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada kaola bagi menyokong sepenuhnya Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama bahawa Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menjunjung kasih atas Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mengurniakan titah bersempena dengan Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari kelmarin, Rabu

27 Syaaban 1446 bersamaan dengan 26 Februari 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi menekan akan pentingnya peranan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara.

Alhamdulillah, abis kaola selaku ahli Yang Berhormat Yang Dilantik menjunjung kasih setinggi-tingginya atas kepercayaan Baginda tentang peranan abis kaola dalam usaha pembangunan negara. Insya-Allah dengan adanya perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis dan pengemaskinian ke atas *procedure* dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat peranan abis kaola selaku Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan lebih berketerampilan dan berkesan. Kaola menyambut baik penggubalan kod etika Ahli-Ahli Majlis bagi kerja-kerja Mesyuarat Majlis Negara agar mesyuarat berjalan dengan lebih teratur dan berintegriti.

Kaola juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang telah memberi kesempatan abis kaola untuk menghadiri Sesi Muzakarah dengan kementerian masing-masing dan mengadakan perbincangan secara telus dan terbuka bagi abis kaola membawa isu-isu yang mempunyai impak kepada kepentingan orang ramai dan golongan-golongan

yang tertentu, semata-mata untuk mengongsikan *feedback* orang ramai dan bertukar-tukar pandangan serta cadangan untuk menambah baik sesuatu dasar atau tindakan kementerian. Melalui Sesi Muzakarah perbincangan dan lawatan dapat tah abis kaola selaku Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik membawa permasalahan orang ramai dan hasil dari turun padang sebagai usaha bersama mencari jalan penyelesaian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua di antara kandungan titah Baginda ialah pencapaian negara dalam usaha mempelbagaikan ekonomi dalam mana Sumbangan Dalam Negara Kasar dari sektor minyak dan gas telah menunjukkan kemajuan yang ketara dari segi pertumbuhan sepanjang tahun 2017 hingga 2023, iaitu sebanyak 4.3% setahun.

Kita semua gembira dan menyambut baik pencapaian ini sebagai tanda bahawa negara adalah di landasan yang betul dalam usaha negara untuk tidak bergantung secara berterusan kepada hasil minyak dan gas semata-mata bagi mengekalkan dan meningkatkan lagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Sudah terbukti dengan adanya semangat iltizam, usaha gigih dan kerjasama yang bersepada dengan erat di semua pihak yang berkepentingan dalam kerajaan, bukan Kerajaan, *NGO* dan orang-orang persendirian dan melalui perlaksanaan dasar dan strategi yang sudah dikenal pasti, negara akan mencapai kejayaan

perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, namun di sebalik pencapaian negara mempelbagaikan ekonomi negara seperti yang kita alami sekarang, kaola berpendapat sebagaimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita masih perlu berusaha untuk melakukan transformasi ekonomi dengan meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor seperti melalui peningkatan hasil pertanian dan perikanan, pengangkutan, meningkatkan usaha untuk menarik Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, melabur dalam pembangunan infrastruktur secara umum, menggiatkan sector pelancongan sebagai industri yang mempunyai potensi yang besar kepada negara serta industri-industri baru yang boleh sahaja membawa impak positif kepada negara.

Kita masih perlu terus berusaha mengukuhkan sektor pendidikan supaya pelajar-pelajar kita *future ready* sebagai jaminan keupayaan negara menghadapi cabaran dari perubahan teknologi. Situasi di mana terdapatnya sebilangan besar para graduan yang masih tidak bekerja tidak seharusnya kita *tolerate* kerana mereka mempunyai peranan besar dalam menentukan masa hadapan dan pembangunan negara. Setiap dasar inisiatif tindakan yang ada di dalam *blueprint* hendaklah yang kita ambil, hendaklah sentiasa kita pantau agar ia menepati sasaran kita dalam tempoh

yang telah kita tetapkan. Mencapai *objectiveness* seperti yang dirancang tidak hanya di permulaan tetapi hingga ke garis penamat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola selaku Yang Berhormat Yang Dilantik akan terus memberi sokongan dan sentiasa akan memberi kerjasama kepada apa jua usaha pihak kerajaan untuk mengembangmajukan ekonomi negara selaras dengan matlamat dan wawasan 2035.

Kaola yakin dalam suasana yang kondusif dan *friendly*, kita semua akan mampu bersatu mendukung cita negara. Sekian sahaja yang kaola ingin sampaikan dan sekali lagi kaola menyokong penuh Usul menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga ia menjadi wadah bagi kita semua sama ada yang di dalam Dewan yang mulia ini, mahupun di luar untuk terus berusaha pada meningkatkan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaola sudahi dengan berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta semua kerabat diraja sentiasa dikurniakan petunjuk rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin Ya Rabbal

Alamin. Sekian, Wabillahhi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.  
*(Doa dibaca).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Awal kalam, kaola ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'aala kerana dengan limpah rahmat dan reda-Nya jua, kita dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini dapat merasakan nikmat keamanan dan kesejahteraan yang berterusan.

Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk turut serta memberikan sokongan terhadap Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan dengan 26 Februari 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan rendah hati menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih atas titah penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap aktiviti-aktiviti dialog, muzakarah dan lawatan kerja abiskaola, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudah setentunya banyak memberikan impak positif melalui perbincangan dua hala yang lebih fokus, terbuka dan terarah. Ini pastinya menjadi pendorong utama untuk abiskaola meneruskan usaha dan mempertingkatkan komitmen untuk rakyat dan negara insya-Allah.

Kaola juga menjunjung tinggi dan menyambut baik titah perkenan baginda mengenai perubahan-perubahan pada kekerapan majlis dan pengemaskinian proses kerja yang sedia ada di Dewan Majlis ini di samping keperluan penggubalan kod etika Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perubahan-perubahan ini insya Allah akan meningkatkan lagi

kolaborasi antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan pihak-pihak yang berkepentingan di pihak kerajaan dan swasta dalam sama-sama melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi demi kesejahteraan rakyat dan kepentingan negara. Selain itu, ia juga akan memastikan perjalanan mesyuarat yang lebih teratur selaras dengan prinsip-prinsip negara MIB, kesopanan dan kesusilaan kita serta amalan-amalan terbaik parlimen-parlimen di luar negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah perkenan baginda mengenai pengemaskinian dasar caj perkhidmatan kesihatan bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai status kewarganegaraan, jelas mencerminkan keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan penduduk negara ini dengan memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat dinikmati oleh semua peringkat masyarakat tanpa mengira status kewarganegaraan.

Alhamdulillah, dalam sektor perekonomian pula, kaola amat bersyukur dengan kemajuan ketara yang baginda kongsikan dalam pertumbuhan ekonomi negara termasuk keluaran dalam negara kasar bagi Negara Brunei Darussalam di sektor-sektor huluan minyak dan gas serta sektor perkhidmatan. Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang berusaha gigih ke arah pertumbuhan positif ini dan berharap usaha ini akan terus

dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik untuk kesejahteraan negara. Namun, sepetimana titah baginda lagi, kita tidak boleh berpuas hati kerana ekonomi kita masih bergantung kepada minyak dan gas. Dalam hal ini, kaola percaya transformasi menyeluruh untuk mempelbagaikan ekonomi negara mestilah terus dipertingkat dan diusahakan untuk membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas dan bervariasi untuk semua rakyat insya Allah.

Antaranya menerusi sektor pelancongan sepetimana yang juga dibentangkan dengan begitu terperinci oleh rakan Ahli Yang Berhormat tadi yang merupakan salah satu sektor perekonomian utama yang dikenal pasti dalam *Brunei Economic Blueprint*. Abiskaola yakin sektor ini mampu memacu pertumbuhan tinggi ekonomi negara jika ia ditangani dengan lebih agresif dan proaktif. Negara kita berpotensi tinggi sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing dan setaraf di peringkat serantau dan antarabangsa kerana tarikan-tarikan pelancongan yang unik di negara ini. Selain itu, sektor-sektor lain seperti pertanian dan industri makanan juga mesti diberikan penekanan segera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam perjalanan kita menuju Wawasan 2035 yang berbaki kurang dari 10 tahun sahaja lagi dari sekarang, kaola menjunjung tinggi titah baginda bahawa ia memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Justeru

itu, status dan perkembangan perjalanan menuju wawasan perlulah diberikan secara telus kepada semua rakyat agar semuanya berpeluang untuk turut sama menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara mengikut kapasiti masing-masing.

Dalam hal ini, amalan sifat keterbukaan dan perkongsian maklumat yang terkini dari semasa ke semasa menerusi platform-platform seperti forum dan dialog yang terbuka antara pemimpin-pemimpin di peringkat atas dengan rakyat awam perlu lebih giat dilaksanakan untuk sama-sama membina kepercayaan dan memperkuuh kerjasama yang lebih erat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan persidangan di Dewan yang mulia ini sebagai platform untuk kita berunding secara jujur berfikiran kreatif dan bertindak strategik, dapat kita tanai bersama dengan tulus ikhlas demi untuk menegakkan ugama, bangsa dan negara, serta untuk merealisasikan matlamat menjadikan Brunei sebuah negara maju dengan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dengan izin Allah jua.

Akhir kalam, mengambil sukut barakah bulan Syaban dan bulan Ramadan yang menjelang tiba, marilah kita sama-sama memohon doa ke hadrat Allah

Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Di-Raja dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini dikurniakan petunjuk, rahmat dan red'a Allah serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan kesejahteraan dibawah perlindungan-Nya juga. Amin yarabbal alamin.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selamat 15 minit dan kita akan menyambung semula mesyuarat ini kemudian nanti.

**(Majlis Mesyuarat berehat)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang semula bagi menyambung Perbahasan Usul. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola terlebih dahulu dengan hormatnya, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain bagi menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan dan limpah Kurnia titah baginda ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama sempena Musim Permesyuarat Ke-21 bagi Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2025 pada hari Rabu 27 Syaaban 1446 bersama 26 Februari 2025.

Sesungguhnya isi kandungan titah baginda mengenai peranan Majlis Mesyuarat Negara untuk membahaskan perkara-perkara termasuk memberikan maklumbalas terhadap setiap dasar kerajaan supaya ianya benar-benar menghasilkan impak yang positif terhadap kesejahteraan rakyat adalah amat besar maknanya dan setentunya harus kita junjung sepenuhnya. Sebagai Ahli majlis kita haruslah melaksanakan tugas dengan berintegriti, berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif seperti yang dititahkan.

Ini termasuk mematuhi prosedur yang dikemaskinikan dan kod etika yang digubal agar kita bersama-sama

memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat di negara ini terpelihara. Diatas keprihatinan, pemedulian dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijakan dan kesejahteraan dan penduduk di negara ini, Kementerian Kesihatan akan mengemaskini dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan ataupun *stateless*. Perlaksanaan perubahan dasar secara menyeluruh akan berkuatkuasa dengan secara serta merta.

Insya-Allah, dengan pengemaskinian, adalah diharapkan mereka ini menerima rawatan tanpa disulitkan dengan beban kewangan. Dengan perubahan ini penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan ataupun *stateless*, hanya akan dikenakan caj pendaftaran sebanyak \$1, berbanding dengan \$3 sebelum ini. Disamping itu juga, konsultasi rawatan-rawatan pakar, termasuk rawatan bagi stroke, kardiovaskular ataupun rawatan jantung dan kanser dan caj perkhidmatan adalah diselaraskan dengan skim pembayaran Kementerian Kesihatan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam iaitu diberikan secara percuma.

Kaola berasa sungguh berbesar hati dan amat suka cita mengambil maklum terhadap usaha-usaha kerajaan baginda melalui kementerian-kementerian yang sedang giat diungkayahkan demi mencapai kemajuan dan kemakmuran negara yang dihasratkan demi kebijakan

rakyat dan penduduk. Semoga apa yang kita usahakan akan dapat keberkatan dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan semoga diberikan hidayah olehNya dalam kita menentukan hala tuju strategi ke arah pencapaian Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhirnya, marilah kita sama-sama dibulan Syaban yang mulia ini, dan dengan kedatangan bulan Ramadan yang dinantikan-nantikan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Baginda dan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai berterusan diredhai, diberkati dan dirahmati dan dibawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamin aamin ya rabbal alamin.

Sekian. Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

**Yang Berhormat Awang Lau How Teck:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin merafakkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Yang Berhormat Yang

Di-Pertua atas keizinan yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan ucapan dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola jua menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan dan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Pertama sekali, abis kaola ingin merafakkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia dan kepercayaan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang melaksanakan tanggungjawab membahaskan dasar-dasar kerajaan yang kepentingan rakyat dan serta kemajuan negara.

Selanjutnya, kaola juga ingin memanfaatkan kesempatan yang mulia ini untuk menekankan intipati daripada titah Baginda yang sarat dengan hikmah serta mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan Baginda dalam memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat dan memakmurkan negara. Antara penambahan pembaikan yang

diperkenankan adalah pelaksanaan persidangan sebanyak dua kali setahun disertai dengan mengemaskinikan prosedur serta Kod Etika Ahli Majlis bagi memperkuatkan keberkesanan dan integriti institusi ini.

Selaras dengan kepentingan pembangunan negara yang berterusan, kaola mengakui kepentingan kepelbagaian ekonomi yang menzahirkan penghargaan atas pencapaian yang telah dicapai melalui peningkatan eksport tempatan ke pasaran antarabangsa baharu khususnya dalam sektor minyak dan gas serta sektor bukan minyak dan gas. Kedua-duanya telah memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kepada kemajuan dan pertubuhan ekonomi negara. Namun demikian, seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kepelbagaikan ekonomi tidak boleh dipandang ringan. Oleh itu, pendekatan yang lebih proaktif dalam memperkasa sektor-sektor ini amat penting bagi memperluaskan asas ekonomi negara serta memastikan daya saing yang lebih kukuh di peringkat global.

Kaola ingin menegaskan kepentingan sektor *agriculture* sebagai salah satu tunjang utama dalam mengurangkan kebergantungan Negera Brunei Darussalam terhadap import makanan. Pemberkesanan sektor ini tidak terhad kepada usaha menjamin keselamatan makanan negara serta turut berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan yang mampan serta berdaya tahan dalam jangka panjang.

Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar untuk terus memperkuatkan sektor *agriculture* melalui penerapan teknologi moden yang dapat meningkatkan kepastian serta kecekapan mengeluarkan keluaran domestik. Langkah ini juga selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 yang menitikberatkan integrasi kecederasan buatan dalam pembangunan negara ke arah meningkatkan daya saing serta memajukan sektor berkenaan. Semoga inisiatif yang dilaksanakan dalam sektor *agriculture* ini akan terus menyumbang kepada pembangunan industri yang lebih progresif, inklusif dan berdaya inovatif seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai penutup kaola juga berharap agar segala perbincangan serta perbahasan yang telah dan akan dilaksanakan di sepanjang musim permesyuaratan ini dapat berjalan dengan lancar serta membawa manfaat yang besar kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam secara seluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

**Yang Berhormat Chong Chin Yee:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas

peluang untuk kaola untuk meberi ucapan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita juga menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama bagi menyembahkan menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah Baginda yang telah dikurniakan semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menjunjungi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, abis kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas pengiktirafan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap komitmen ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berbelah bahagi dalam memajukan agenda pembangunan negara ini melalui Sesi Dialog Muzakarah dan Lawatan Kerja. Bimbingan serta wawasan Baginda menjadi inspirasi kepada ahli-ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan

perbincangan yang bermakna dan bekerjasama mencapai penyelesaian yang strategik, kreatif dan inovatif untuk memajukan negara kita yang tercinta.

Kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan tahniah kepada pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan seluruh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat termasuk rakan-rakan ahli Yang Berhormat atas dedikasi yang teguh serta sumbangan yang sangat dihargai, komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak telah mengukuhkan fungsi perundungan Majlis Mesyuarat sekaligus membolehkan ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Dedikasi ini terbukti melalui kejayaan penganjuran *AIPA Caucus* yang ke-15 pada tahun lalu di mana wakil-wakil negara-negara anggota ASEAN berhimpun di Negara Brunei Darussalam untuk membincangkan tema "*Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation: Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy.*" Hasilan usaha kerjasama ini telah menghasilkan pengemukaan resolusi semasa sidang AIPA Ke-45 di Lao PDR. Kolaborasi ini telah meningkatkan kepentingan kerjasama serantau dalam menangani cabaran semasa dan kaola yakin bahawa penglibatan ini akan berterusan bagi menghasilkan pencapaian yang lebih besar pada masa depan.

Di samping itu, abis kaola menyambut baik atas keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan Persidangan Majlis dari satu kepada dua kali setahun. Menambah baik ini akan memperkuatkan lagi kawalan legislatif dan memastikan perjalanan perundungan yang lebih tepat pada waktunya dan memperolehi tindak balas yang lebih cepat terhadap isu-isu nasional dengan memudahkan perbincangan secara berkala akan memperkuatkan tanggungjawab dan menguatkan langkah kerajaan kita.

Sebagai tindak balas terhadap pendekatan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pembangunan modal insan dan kemampuan negara kaola ingin menjunjung kasih atas pemerintahan baginda terhadap potensi transformasi *Artificial Intelligence* iaitu AI. Pendekatan yang berwawasan ini amat penting untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang kuat dan berdaya saing dalam era digital. Membuka peluang untuk inovasi, perkembangan ekonomi dan kemakmuran negara.

Teknologi AI dapat merevolusikan pelbagai sektor dengan mengautomasikan proses meningkatkan kecekapan operasi dan mewujudkan peluang baru untuk kemajuan ekonomi dan sosial.

Strategi AI yang berstruktur baik dengan sokongan data tadbir urus akan memanfaatkan kekayaan berbagai data yang dijana merentasi beberapa sektor, mempercepatkan kemajuan Brunei dalam mencapai objektif negara pintar. Dalam hal ini, kaola amat menantikan pertimbangan dan pengukuhan lanjut infrastruktur *E-Government National Center* iaitu EGNC bagi membantu AI workload capacity selain itu kaola juga menantikan mengemas kini *Digital Master Plan 2025* yang dijadualkan untuk dikaji pada tahun lepas.

Kita berada di satu titik penting di mana kemajuan teknologi boleh memberdayakan kita untuk membuat keputusan yang lebih bermaklumat dan mempercepatkan kemajuan negara ini. Melalui penerimaan inovasi, memperkuuh urus tadbir dan menggalakkan kerjasama kita boleh membina masa depan yang kukuh dan makmur untuk Brunei. Menjunjung aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kaola menantikan penglibatan dan perbincangan yang bermakna, menyumbang untuk membuat keputusan cerdik dan mempertingkatkan usaha kerjasama kita demi menuju Wawasan Brunei 2035. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

**Yang Berhormat Dr. Awang Haji**

**Mahali bin Haji Momin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya kita dapat berhimpun di dalam Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Lebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi kesempatan kaola berdiri memberi ucapan di dewan yang mulia ini dan seterusnya kaola mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan sepenuhnya atas usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat

Negara pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 26 Februari 2025 Masehi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah kurnia yang amat berharga dan mencerminkan keprihatinan serta kepimpinan bijaksana baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Abiskaola menjunjung kasih atas penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap usaha abiskaola dalam menyertai sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sesi MMN tahun lalu. Nasihat baginda untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat turun padang memberi abiskaola peluang untuk berjumpa berbagai lapisan masyarakat, persatuan profesional, tenaga profesional, warga emas serta agensi-agensi kerajaan.

Amalan daripada perjumpaan-perjumpaan ini didapati sangat berfaedah dan bermanfaat kerana

membantu kaola mengenal pasti isu-isu yang perlu diberikan tumpuan serta kejayaan-kejayaan yang boleh dijadikan contoh dan pembelajaran. Abiskaola menyedari bahawa tanggungjawab abiskaola dalam sesi libat urus ini memainkan peranan penting untuk memastikan kebimbangan dan keperluan rakyat dapat disuarakan serta membantu dalam pembentukan dasar kerajaan.

Di samping itu perjumpaan-perjumpaan ini juga berfungsi sebagai platform utama bagi perkongsian pandangan antara kerajaan dan rakyat demi kepentingan bersama. Insya Allah abiskaola akan terus berusaha dan berikhtiar bagi memastikan kemajuan serta kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, kaola menyambut baik perubahan terhadap kekerapan majlis kepada dua kali setahun kerana ini membolehkan tumpuan yang lebih mendalam diberikan kepada isu-isu yang penting dan mendesak. Ini sekaligus memastikan setiap perbincangan serta keputusan yang diambil lebih fokus dan berkesan. Perubahan ini insya Allah akan membawa manfaat kepada semua pihak kerajaan dan rakyat, dengan harapan agar setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan baik. Ia juga membolehkan abiskaola mengetahui perkembangan terkini serta memahami cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pihak berkaitan dan melaksanakan pelbagai isu dan perancangan yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, perubahan dalam prosedur pertanyaan turut membawa manfaat yang besar di mana ia menyediakan ruang dan masa yang mencukupi bagi pihak yang berkaitan untuk memberi penjelasan dengan lebih mendalam dan terperinci. Pada masa yang sama ia juga membolehkan abiskaola menilai serta memantau perkembangan serta pencapaian dengan lebih berkesan. Kaola jua menyambut baik titah baginda mengenai penggubalan kod etika Ahli-Ahli Majlis yang akan membantu memperjelas peranan serta tanggungjawab abiskoala dalam melaksanakan tugas yang dengan lebih lancar, berkesan dan penuh integriti. Kaola juga bersetuju bahawa kod etika ini merupakan langkah penting dalam memastikan Ahli-Ahli Majlis dapat menjalankan amanah mereka dengan lebih bertanggungjawab, profesional dan beretika demi kepentingan rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syukur Alhamdullilah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan satu lagi kemudahan kepada penduduk Negara Brunei Darussalam dengan memperkenankan pengemaskinian dasar caj perkhidmatan bagi penduduk tetap tanpa kewarganegaraan. Langkah ini jelas menunjukkan keprihatinan baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan dinikmati

oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira status kewarganegaraan.

Kaola amatlah gembira dengan titah baginda yang menyentuh tentang kemajuan ketara dalam sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar. Negara Brunei Darussalam terutama dalam pertumbuhan yang pesat dalam sektor minyak dan gas serta perkhidmatan seperti yang disebutkan dalam titah baginda penubuhan industri petrokimia telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan menyumbang kepada kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai hub bagi sektor kimia. Kita perlu memastikan bahawa pendapatan daripada industri-industri baharu yang sedang berkembang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh perniagaan dan industri tempatan.

Kaola juga bersetuju dengan titah baginda bahawa adalah penting untuk terus meneroka dan membangunkan aktiviti perekonomian baharu bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap sektor minyak dan gas demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka masa yang panjang. Untuk mencapai matlamat ini adalah penting untuk mengamalkan pendekatan holistik, iaitu *Whole of Nation* dan *Whole of Government* di mana setiap pihak memainkan peranan dalam merealisasikan matlamat yang dihasratkan. Ini selaras dengan kurnia titah baginda yang menekankan kepentingan kerjasama, inovasi, semangat juang dari semua pihak dalam

usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Untuk merealisasikan matlamat ini, kaola setuju dengan titah baginda bahawa adalah penting untuk memanfaatkan kemajuan teknologi khususnya Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence*. Bagi memperkasakan sumber manusia, peningkatan literasi digital perlu diterapkan dalam kalangan generasi muda serta golongan yang lebih berusia bagi membolehkan mereka membangunkan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi peluang dan cabaran yang dibawa oleh *Artificial Intelligence*. Dengan ini produktiviti dalam pelbagai sektor dapat ditingkatkan, proses kerja dapat dipercepatkan dan keputusan dapat dibuat dengan lebih tepat serta berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk mengakhiri ucapan kaola ini, kaola akan terus berusaha dengan sedaya upaya dengan penuh dedikasi dan komitmen untuk menjalankan peranan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang selaras dengan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Insya Allah, persidangan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam merealisasikan objektif pembangunan kemajuan negara melalui perbincangan yang berpandangan jauh, kreatif, berstrategi di Dewan yang mulia ini. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala

segala usaha ini diharap dapat membawa Negara Brunei Darussalam menuju kecemerlangan, kegemilangan dan terbilang.

Akhirnya, kaola berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan keluarga kerabat diraja dan rakyat Negara Brunei Darussalam selamat sejahtera, sihat walafiat dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar perbahasan mengenai Usul menjunjung kasih. Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada pagi ini dan saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini kita tangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang ini nanti sebagaimana biasa mulai daripada jam 2.30 petang.

Sekian, Wabillahi Taufk Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditanggguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dengan membahaskan Usul Menjunjung Kasih. Bersama saya di sini masih terdapat lagi senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta membahaskan usul ini.

Saya persilakan sekarang untuk memulakannya Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. (*Doa dibaca*)

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat yang kaola/hamba hormati. Salam dan selawat kepada junjungan Nabi kita Muhammad Sallallahu alaihi wasallam dan sahabat-sahabat yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan segala nikmat yang dilimpahkan ke atas kitani dan Negara Brunei Darussalam dalam keadaan yang aman damai. Kaola mengaminkan doa-doa moga suasana ini akan terus berkekalan selama-selamanya, Amin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Baharuddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Osman, Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara tahun ini.

Isu-isu dan pesanan yang dibangkitkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu penuh khidmat dan nasihat serta menggariskan arah tuju negara, menunjukkan keprihatinan dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas rakyat baginda, alhamdulillah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, insya Allah kaola akan tanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, insya Allah akan menjalankan peranan dan amanah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang berintegriti dan berkhidmah dalam membahaskan dan memberi maklum balas dan Usul terhadap dasar-dasar kerajaan. Jika

diperlukan akan sedia bekerjasama dengan mana-mana agensi kerajaan agar dasar-dasar kerajaan akan memberikan impak positif ke arah kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan negara dan rakyat.

Insya-Allah, kaola akan menggunakan pengalaman kaola sebagai bekas seorang *Technical Professional Executive* dalam industri dan berpengalaman dalam *corporate governance* apabila membangkitkan isu-isu rakyat dengan kementerian dan apabila membincangkan perbelanjaan kementerian kelak insya-Allah. Insya Allah, kaola akan mempraktikkan pengalaman kaola dalam memohon pencerahan dan tidak akan segan memberi pandangan dan pendekatan yang mungkin berbeza tapi insya-Allah tidak bertentangan dengan idealogi dan hala tuju negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola terasa teruja dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sumbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang turut memajukan agenda negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja serta berinteraksi dengan rakyat, agensi kerajaan, *NGO's* serta kumpulan-kumpulan orang yang berkepentingan. Ini semata-mata menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk Ahli

Majlis Mesyuarat turun padang, semoga penghargaan ini serta kerjasama yang telah dihulurkan oleh agensi kerajaan akan memberi perangsang kepada kaola dan rakan Ahli Majlis Mesyuarat untuk turun padang untuk mengelinga dan membuat pendekatan dengan rakyat.

Kaola sukacita ingin mengongsikan salah satu sesi turun padang yang besar yang telah dilaksanakan iaitu kaji selidik yang diungkayahkan oleh beberapa Ahli Mesyuarat Negara dengan pendekatan 10% daripada warga pendidik dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terima kasih kepada kedua kementerian kerana memberi kerjasama menjayakan kaji selidik ini. Kaji selidik yang memakan masa hampir 4 bulan dan mengumpul lebih 35 ribu data melibatkan hampir 600 warga pengajar dari kedua kementerian tersebut di seluruh negara. Hasil dari sesi kaji selidik ini telah pun dikumpul, dianalisis dan dikongsikan bersama kepada pihak-pihak yang berkepentingan di kedua kementerian untuk penelitian dan sebarang tindakan lanjut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu dapatan utama daripada sesi turun padang bersama dengan orang awam terutamanya di peringkat akar umbi ialah mereka menghargai sesi bersama Yang Berhormat dan ini memberi mereka peluang untuk berhubung terus dengan pihak kementerian melalui pihak ketiga.

Insya-Allah, kaola dan teman Ahli Majlis Mesyuarat akan cuba menyampaikan

isu-isu dan pandangan yang dibangkitkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam Dewan yang mulia ini dan ada yang sudah pun disampaikan terus kepada kementerian yang berkenaan. Kaola masih berpendapat, ini masih tidak menangani keperluan asas saluran komunikasi terus antara rakyat dengan kementerian.

Oleh itu, kaola berpendapat bahawa langkah seterusnya yang perlu diambil adalah untuk mengadakan forum-forum untuk komunikasi yang lebih berstruktur dengan akar umbi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai perubahan Kehadapan Majlis kepada 2 sesi setahun, pengubahan Kod Etika Ahli-Ahli Majlis dan mengeemaskinikan prosedur Dewan, kaola menyambut titalah baginda dengan penuh baik.

Sebagai bekas ahli korporat yang berpandukan *governance, compliance, transparency* dalam pengurusan harian, penggubalan Kod Etika untuk Ahli-Ahli Majlis yang akan insya-Allah sejajar dengan Kod Etika parliment antarabangsa akan memberikan kepercayaan bahawa Ahli dan institusi Majlis Mesyuarat Negara bukan saja komited juga berintegriti dan berketulusan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.

Manakala sesi persidangan Majlis yang akan datang akan memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan semakan pertengahan penggal, *mid-term review* terhadap

kemajuan yang dicapai. Ini juga akan memberi peluang kepada kementerian-kementerian untuk menerima balik timbal balas bagi penyediaan belanjawan dan program tindakan kementerian di tahun hadapan.

Mengenai perkembangan sektor hiliran, *downstream sector* dan industri petrokimia, kaola berpendapat bahawa negara sudah perlu tingkatkan usaha untuk melengkapkan tenaga kerja tempatan yang mahir bukan sahaja bakal mengisi kekosongan atau mesti dalam industri itu nanti tapi juga untuk menyediakan kepakaran anak tempatan untuk memantau operasi industri yang berisiko tinggi dan mencabar ini supaya sentiasa beroperasi dengan selamat mengikut piawaian antarabangsa.

Oleh itu, kaola berpendapat kita perlu memastikan sistem pendidikan kita agar dapat melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja bersedia untuk memasuki industri di *level* bekerja tapi sudah bersedia untuk mengisi peringkat-peringkat kepimpinan dalam industri itu. Ini termasuklah mengkaji semula kurikulum dan program latihan Skim *Apprenticeship* dalam industri agar selaras dengan keperluan sektor hiliran dan industri petrokimia yang akan pesat dikembangkan.

Kematangan *private sector* yang *disupport* industri memberi khidmat mendukung industri petrokimia mestilah dikenal pasti sekarang dan dibangunkan untuk merealisasikan rantaian nilai yang diharapkan.

Mengenai perkembangan Kecerdasan Buatan, *Artificial Intelligence*, Kaola amatlah bersetuju bahawa *Artificial Intelligence* merupakan perkembangan yang menarik dan berpotensi besar untuk memajukan negara. Namun kaola juga sedar akan risiko-risiko yang mungkin timbul daripada perkembangan ini.

Oleh itu, kaola berpendapat bahawa sudah masanya untuk menujuhkan sebuah pasukan ataupun agensi yang khusus untuk memahami teknologi baharu ini serta menangani risiko-risiko yang berkaitan dengan *Artificial Intelligence* dan bagaimana kita dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ditawarkan oleh teknologi ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menyentuh tentang perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 yang baginda katakan memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang di semua pihak. Memandangkan hanya tinggal 9 tahun lagi untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, kaola berpendapat bahawa rakyat dan sebahagian warga penjawat awam perlu sentiasa diingatkan dan ditunjukkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini, untuk menunjukkan kemajuan ketara daripada pencapaian yang sedang dijalankan.

Ini adalah penting untuk meyakinkan serta membolehkan rakyat serta warga

kerajaan merasa teruja dan turut mahu mengambil peranan menyumbang ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2035.

Sekian sahaja daripada kaola. Jika ada tindak langkah yang kurang manis dan kesilapan serta kekurangan sepanjang mesyuarat ini nanti insya-Allah, terlebih dahulu kaola memohon ampun dan maaf juga. Yang baik semuanya datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan yang buruk berpunca daripada kekurangan kaola sendiri.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*)

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertama sekali kaola panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua membolehkan kita hadir di Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih pada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap di dalam Dewan Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya memberi sokongan kaola terhadap usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenaan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasm Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21, Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan 26 Februari 2025.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menjunjung kasih ke atas penghargaan baginda mengenai sesi dialog muzakarah dan lawatan kerja yang dilaksanakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini akan menjadi pendorong dan semangat untuk terus meningkatkan usaha-usaha serta ikhtiar demi kemajuan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Kaola menjunjung titah baginda yang menitahkan perubahan terhadap kekerapan Majlis kepada 2 kali setahun bermula tahun ini. Kaola percaya perubahan ini akan membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memberi tumpuan yang lebih mendalam kepada isu-isu yang penting dan mendesak, sekaligus memastikan segala perbincangan dan keputusan yang diambil adalah lebih fokus dan berkesan.

Kaola menyokong penuh titah baginda dalam keperluan penggubalan kod etika Ahli-Ahli Majlis dan bersetuju pengubalan ini amat penting bagi memastikan Ahli-Ahli Majlis dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi. Kaola sedar bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa diperhatikan oleh rakyat dan oleh itu kami perlu sentiasa mewakili dan mempromosikan tingkah laku yang beretika.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sekali lagi menjunjung titah baginda yang memperkenankan pengemaskinian dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai status kewarganegaraan.

Ini menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan terhadap kesejahteraan semua penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Kaola menyambut titah Baginda mengenai peningkatan purata pertumbuhan sebanyak 4.3% dari tahun

2017 hingga 2023. Walaupun negara kita masih bergantung kepada sektor minyak dan gas, kaola juga percaya bahawa kita perlu mempelbagaikan ekonomi negara termasuklah aspirasi-aspirasi yang dihasratkan dalam *Economic Blueprint* yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan.

Salah satu sektor perekonomian utama adalah sektor hiliran minyak dan gas. Kaola menyambut baik usaha-usaha baharu untuk memberi tumpuan kepada sektor huluan oleh Jabatan Tenaga yang Insya Allah akan membantu mengembangkan portfolio hidrokarbon negara. Kemasukan operator-operator baru bagi mengusahakan sektor minyak dan gas juga memberi persaingan yang positif dan akan memacu pertumbuhan sektor ini.

Kaola berpendapat bahawa jika peratusan tinggi tenaga domestik dapat dipenuhi oleh sumber tenaga boleh diperbaharui, *renewable* maka kita dapat mengalihkan fokus penjualan gas kita untuk bantu *LNG*. Ini bukan sahaja akan meningkatkan nilai eksport kita tetapi juga akan membantu memperkuatkan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai penekanan baginda terhadap revolusi teknologi khususnya *artificial intelligence*, kaola bersetuju dengan titah baginda bahawa ianya membuka peluang baru yang memerlukan kita untuk terus memperkasa sumber manusia dan keupayaan negara. Kaola

juga percaya bahawa dengan memperkasa sumber-sumber manusia kita dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang-peluang dalam bidang ini. Kaola juga menyokong penuh titah baginda agar perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak.

Oleh itu, kaola berpendapat bahawa kita perlu melengkapi rakyat dengan kebolehan dan kemahiran yang inovasi selaras dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035, rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Dengan melengkapi rakyat kita dengan kebolehan dan kepakaran yang inovatif, kita dapat memastikan bahawa mereka dapat menyumbang secara aktif dan berkesan kepada pembangunan negara.

Insya Allah kaola dengan sedaya upaya akan melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan ini dengan penuh ikhlas dan jujur. Semoga apa yang diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar persidangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara melalui pembincangan-pembincangan yang dilaksanakan dengan pemikiran kreatif dan bertindak strategik di dalam dewan yang mulia ini nanti untuk menjadikan Brunei negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita bersama-sama memohon doa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini dikurniakan petunjuk, rahmat dan redha Allah Subhanahu Wata'aala serta sentiasa sihat walafiat dan sejahteraan di bawah lindungan-Nya juga. Amin Ya Rabbal Alameen.

Sekian Yang Di-Pertua, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua yang bijaksana. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*)

Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan keizinan dan rahmatNya juga serta menjunjung kasih kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia-

perkenanan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung pada 27 Syaaban 1446 Hijriah bersamaan 26 Februari 2025 Masihi dan seterusnya mengurniakan titah di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana dan ahli-ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya usul Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama bagi menyembahkan Ucapan Menjunjung Kasih yang setinggi-tingginya kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dewan yang mulia ini adalah kaola junjung dengan setinggi-tingginya.

Kaola menjunjung kasih di atas titah perkenan baginda bagi perubahan kekerapan persidangan majlis ini pada dua kali setahun bermula pada tahun ini. Ini melambangkan betapa baginda mengambil berat terhadap perlaksanaan tindakan-tindakan yang berterusan oleh semua pihak demi antara lain, untuk mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan usaha mempelbagaikan ekonomi negara ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dengan penggubalan Kod Etika Ahli-Ahli Majlis nanti, ianya akan menambah nilai MMN kita dan setentunya ke arah keselarasan dan standar AIPA, *Asean Inter Parliamentary Assembly* mahupun CPA, *Commonwealth Parliamentary Association* dengan bercirikan calak kita orang Brunei.

Harapan baginda bagi persidangan ini akan terus berunding dengan jujur, berfikiran berkreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang negara akan juga kaola junjung setinggi-tingginya dan akan kaola titik beratkan sebagai garis panduan dalam mengajukan dan meneliti perkara-perkara dan isu-isu strategik dan dasar yang akan kaola bangkitkan dalam dewan yang mulia ini yang setentunya menjurus kepada penghasilan impak yang positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, penekanan baginda mengenai keperluan untuk terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor lain selain daripada sektor hiliran minyak dan gas adalah satu gagasan yang perlu kitani semua ambil perhatian dan tindakan yang serius dan cepat.

Perlunya semua pihak terutama agensi-agensi kerajaan yang ada untuk terus meneliti ruang-ruang untuk memudah cara lagi urusan peniaga-peniaga tempatan dalam sektor-sektor lain ini untuk terus maju dan cepat dalam sama-

sama memerlukan pergerakan bersama usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Dalam hal ini, insya-Allah abis kaola akan sentiasa bersedia melibatkan diri dengan pihak Kerajaan dan dengan sedaya upaya kaola dengan bersama rakan-rakan pengusaha-pengusaha seperjuangan yang lain dalam apa juga usaha-usaha membantu negara bagi mempertingkatkan perekonomian dan usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Dalam Dewan yang mulia ini, kaola akan sentiasa memfokuskan kepada membangkitkan strategi dan hala tuju kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam usaha bersepak, cepat dan mantap demi untuk kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara dan kelangsungan kehidupan rakyat.

Di samping itu, kaola juga akan menyahut titah saranan baginda bagi cadangan dan idea yang akan dikemukakan nanti akan mengambil kira *emergening issues* di peringkat global dengan juga menyentuh mengenai dengan revolusi teknologi *Artificial Intelligence* yang sudah ketara keperluannya.

Dalam hal ini juga, kaola menyusun sepuluh jari seawal musim permesyuaratan ini memohon ampun dan maaf jika sekiranya ada perkara-perkara dan isu-isu yang kaola bangkitkan dan usulan yang kaola cadangkan nanti kurang disenangi dan ada yang memerlukan perdebatan bukan sahaja di dalam Dewan ini tetapi juga

di luar dari Dewan ini. Hasrat kaola hanyalah sekadar untuk mewujudkan semak dan imbang, *check and balance* apa yang Ahli-Ahli Menteri Kabinet rancang dan laksanakan.

Kaola berharap dengan perdebatan yang sihat dan harmoni nanti di antara kalangan Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan dapat membawa hasil yang diharapkan dengan tindakan-tindakan yang akan dibuat dengan cepat, jitu dan proaktif dengan dasar yang bersesuaian agar kita akan terus maju memacu mempercepatkan Wawasan Negara 2035.

Mengambil sukut berkah bulan Syaaban dan bulan Ramadan yang menjelang tiba, akhir kalam marilah kita bersama-sama memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini dikurniakan petunjuk rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan kesejahteraan di bawah perlindungan-Nya. Aamiin Aamiin ya rabbal alamin.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

**Yang Berhormat Awang Amran bin**

**Haji Maidin:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat hadir di Dewan yang mulia ini dan kaola merakamkan ribuan terima kasih atas kesempatan yang diberikan bagi kaola untuk menyatakan sokongan terhadap Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan baginda berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 26 Februari 2025 Masihi, hari Rabu kemarin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama di Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara tahun 1446/2025, yang penuh bermakna bagi kita semua dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan supaya Mesyuarat Negara diadakan dua kali setahun.

Dengan adanya mesyuarat dua kali setahun ini, perbahasan akan lebih teratur serta memberikan lebih banyak ruang untuk membahas dasar-dasar negara yang berbangkit dalam kalangan masyarakat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga menjunjung kasih atas kemurahan hati baginda yang memperkenankan supaya penduduk-penduduk tetap yang tidak mempunyai kewarganegaraan, *stateless* diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sebagaimana yang diberikan kepada warga Negara Brunei Darussalam kerana penduduk tetap, *stateless* ini orang yang dagang tidak ada tempat untuk mengadu apalagi mendapatkan bantuan berbeza halnya dengan penduduk tetap yang mempunyai kewarganegaraan. Mudah-mudahan dengan kemurahan hati baginda itu akan menambah keberkatan bagi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga mengharapkan segala isu-isu yang dibahaskan di dalam Dewan ini akan dapat diselesaikan dan diambil tindakan segera demi menjaga kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk akhirnya, sekali lagi kaola ingin menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda dan berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dan seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesihatan, keberkatan dan sentiasa dalam lindungan Allah jua... amin.

Sekian wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

**Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan penuh hormat dan rasa syukur

kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan 26 Februari 2025.

Titah ini mencerminkan wawasan jauh baginda dalam memastikan pembangunan dan kemakmuran negara terus terpelihara dan diperkuuh. Menjunjung kasih atas limpah kurnia dan kebijaksanaan baginda dalam memperkenankan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara diadakan sebanyak dua kali setahun.

Satu anugerah yang bakal mengukuhkan lagi martabat institusi ini dalam menjalankan peranannya secara lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat.

Ahli-Ahli MMN mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan setiap perbahasan yang dikemukakan adalah menjurus kepada solusi dan berpandukan kepada analisis yang berwibawa bagi meningkatkan keberkesanan dasar kerajaan.

Pada masa yang sama, hasrat baginda untuk memperkenalkan kod etika

bagi Ahli Majlis merupakan suatu perkembangan penting yang akan memastikan integriti dan profesionalisme terus menjadi asas kepada setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Dengan adanya panduan ini, institusi MMN akan lebih dihormati dan diyakini oleh rakyat.

Dalam bidang kesihatan, langkah progresif dan memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan, *stateless* mencerminkan nilai keprihatinan dan kesejahteraan yang sentiasa menjadi keutamaan kerajaan. Untuk memastikan perlaksanaannya berjalan dengan baik, adalah penting bagi sistem pemantauan dan pengagihan sumber dilakukan dengan cermat agar penyampaian perkhidmatan kesihatan lebih adil dan berkesan kepada semua yang memerlukan.

Usaha ini juga perlu diselaraskan dengan keperluan jangka panjang dalam memastikan sistem kesihatan negara terus mampan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Dari segi ekonomi, meskipun kejayaan telah dicapai dalam sektor bukan minyak dan gas, usaha perlu terus dipergiatkan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan. Kebergantungan terhadap sektor tenaga masih tinggi dan usaha untuk memperkuuhkan lagi kepelbagaian ekonomi perlu diperkasa.

Pembangunan industri bernilai tinggi seperti teknologi hijau, pertanian pintar dan ekonomi digital perlu dipercepatkan bagi memastikan daya saing negara terus meningkat. Pada masa yang sama, kita juga perlu melihat sektor pelancongan dan perkhidmatan dengan lebih serius. Negara kita mempunyai potensi besar dalam sektor ini dan dengan strategi pemasaran yang lebih komprehensif serta pemerkasaan ekosistem pelancongan, negara boleh menjadi destinasi pilihan yang menarik bagi pelancong antarabangsa dan memberikan manfaat kepada ekonomi tempatan.

Dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks, pembangunan keupayaan teknologi tempatan juga merupakan satu keperluan yang mendesak. Kecerdasan Buatan, AI menawarkan peluang besar dalam meningkatkan daya saing dan kecekapan dalam pelbagai sektor.

Oleh itu, usaha perlu dipergiatkan dalam memperkuatkannya infrastruktur teknologi, menggalakkan penyelidikan dan inovasi serta memperkasa modal insan dalam bidang teknologi tinggi. Kerjasama erat antara sektor kerajaan *academia* dan industri swasta harus diperkuatkannya lagi bagi memastikan negara bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada perkembangan teknologi baharu.

Perancangan strategik yang lebih holistik perlu diambil agar transformasi digital dapat memberi manfaat kepada rakyat

secara menyeluruh dan mewujudkan peluang baharu dalam pasaran pekerjaan.

Dalam memastikan pencapaian Wawasan Brunei 2035, setiap dasar dan inisiatif yang dibawa ke dalam perbahasan Majlis Mesyuarat Negara haruslah mengambil kira perkembangan dan cabaran global yang sentiasa berubah. Pendekatan yang inklusif dan berpandangan jauh amat diperlukan bagi memastikan matlamat negara dapat direalisasikan secara mampan dan berkesan. Ini memerlukan sinergi dan kerjasama antara sektor awam dan swasta serta penglibatan rakyat dalam melaksanakan strategi pembangunan nasional. Kita perlu memastikan bahawa semua dasar yang dibangunkan benar-benar mencerminkan kepentingan rakyat dan membawa manfaat jangka panjang kepada negara.

Sebagai institusi tertinggi dalam penyampaian suara rakyat, Majlis Mesyuarat Negara mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara terus terpelihara. Dengan iltizam yang tinggi dan semangat berpasukan kita dapat memastikan setiap keputusan dan cadangan yang dikemukakan membawa impak yang positif dan berkesan.

Oleh itu, insya Allah kaola dan rakan-rakan ahli akan memanfaatkan perbahasan ini sebagai wadah untuk menyampaikan pandangan yang

konstruktif dan berasaskan fakta yang kukuh demi kepentingan negara dan rakyat.

Dengan ini kaola menyokong penuh Usul menjunjung kasih daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sekian Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

**Yang Berhormat Awang Lawi bin**

**Haji Lamat:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola terlebih dahulu ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan dengan 26 Februari 2025 Masihi.

Kaola suacita menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Ke-21.

Melalui titah baginda dan dengan mengamat-amatinya sesungguhnya sangat padat dan bernas dan mengandungi nasihat yang mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan titah baginda kaola ingin menyentuh tiga isu penting, iaitu:

Pertama, peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dilantik. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara rakyat dan kerajaan. Peranan ini tidak hanya terbatas kepada menyampaikan suara rakyat tetapi juga dalam memastikan setiap dasar dan projek

yang dilaksanakan benar-benar berkesan serta memberi manfaat kepada masyarakat melalui Sesi Muzakarah, tinjauan dan perbincangan berbagai usaha telah dijalankan bagi mengkaji semula projek-projek terdahulu sama ada untuk diteruskan, diperbaiki atau digantikan dengan inisiatif yang lebih relevan dan bermanfaat.

Pendekatan ini memastikan sumber negara digunakan secara optimum selari dengan keperluan dan harapan rakyat. Dalam konteks ini kesinambungan dialog dan kerjasama yang erat antara kerajaan dan pemimpin masyarakat adalah amat penting. Setiap dasar yang dirancang perlu dibentuk melalui maklum balas yang menyeluruh daripada rakyat di peringkat akar umbi. Dengan adanya platform perbincangan yang lebih terbuka dan sistematik kita dapat memastikan setiap keputusan yang dibuat benar-benar membawa impak yang positif dan menyumbang kepada kesejahteraan serta kemajuan negara;

Kedua, Meningkatkan keberkesanan Majlis Mesyuarat Negara. Dalam usaha memastikan keberkesanan Majlis Mesyuarat Negara, kaola menyambut baik langkah yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan persidangan kepada dua kali setahun serta mengemaskini Peraturan Majlis Mesyuarat.

Langkah ini bukan saja membolehkan perbincangan yang lebih mendalam tetapi juga memastikan penyelesaian isu-isu utama dalam dapat dicapai dengan lebih bersistematis dan berkesan. Selain itu, kaola juga ingin menyatakan sokongan penuh terhadap cadangan penggubalan Kod Etika bagi Ahli-Ahli Majlis. Ini adalah satu inisiatif yang sangat penting dalam memperkuatkannya lagi profesionalisme dan akauntabiliti dalam menjalankan amanah yang telah diberikan oleh rakyat dan negara.

Dengan adanya garis panduan yang jelas kita dapat memastikan setiap perbincangan dan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan prinsip ketelusan, integriti dan kepentingan negara yang tertinggi.

Kaola percaya dengan adanya perubahan positif ini Majlis Mesyuarat Negara akan terus berkembang sebagai sebuah platform yang lebih efektif dan berwibawa dalam memperjuangkan kepentingan rakyat serta menyokong agenda pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035; dan

Ketiga, Pembangunan dan kepelbagaian ekonomi. Akhir sekali sebagaimana yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara semakin menunjukkan hasil yang positif. Langkah ini amat penting bagi memastikan ekonomi negara kekal mampan dan tidak terlalu bergantung kepada sektor sahaja.

Dalam hal ini, kaola ingin menekankan bahawa penduduk kampung juga mempunyai peranan yang besar dalam menyokong usaha ini dengan menyertai aktiviti ekonomi baharu seperti pertanian moden, pelancongan desa serta Perusahaan Kecil dan Sederhana iaitu *SME*. Mereka boleh menjadi lebih berdikari dalam menjana pendapatan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh. Namun untuk merealisasikan perkara ini, bimbingan dan sokongan daripada kerajaan serta sektor swasta amat diperlukan. Kita perlu memastikan akses kepada latihan teknologi serta bantuan kewangan yang mencukupi agar inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kaola yakin dengan adanya kerjasama yang erat antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat, usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara akan terus membawa hasil yang lebih cemerlang dan mampan. Itulah saja yang kaola dapat sampaikan bagi menanai dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjung.

**Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjung:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya kerana kita dapat bersama-sama lagi bersidang di dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola berterima kasih atas peluang yang diberikan bagi kaola menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, bagi menyembahkan Usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara kelmarin, Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan 26 Februari 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya titah baginda merupakan *mechanism* penting di dalam kita sama-sama berusaha di dalam menggerakkan agenda kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Selain daripada itu, titah baginda juga mencerminkan sikap keprihatinan baginda terhadap kebijakan dan kesejahteraan rakyat.

Ini termasuklah mengemas kini dasar caj perkhidmatan bagi perkhidmatan kesihatan bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan untuk diberikan kemudahan sepetimana kepada warganegara Brunei Darussalam. Sesungguhnya seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan seorang raja yang adil lagi bijaksana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sangat menjunjung baik titah baginda berkenaan dengan perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis kepada 2 kali setahun yang bermula pada tahun ini. Ini termasuklah penggubalan Kod Etika Ahli-Ahli Majlis di dalam

melaksanakan tugas yang lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Perubahan-perubahan ini sememangnya penting ke arah mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan dan mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-Ahli Yang Berhormat serta menjalankan kerjasama padu dengan pihak kerajaan ke arah menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh berkenaan dengan ekonomi peringkat mikro, kaola juga menyambut baik dengan usaha pihak kerajaan di dalam menggerakkan lebih banyak aktiviti perekonomian yang dapat diraih oleh peniaga mikro kecil dan sederhana tempatan. Ini termasuklah menyediakan prasarana dan ekosistem perniagaan yang lebih menarik. Sehubungan ini, kaola mengharapkan keterlibatan lebih ramai pengusaha-pengusaha dari golongan para belia.

Dalam sektor pelancongan pula, penglibatan masyarakat adalah penting ke arah mempelbagaikan aktiviti pelancongan tempatan seperti di mukim dan kampung termasuklah memperkenalkan budaya, kesenian dan warisan sejarah yang unik kepada para pelancong. Promosi pelancongan Brunei hendaklah diperluaskan dengan menyediakan peruntukan yang berpatutan dan mencukupi agar ia sampai ke peringkat global seperti mengadakan Tahun Melawat Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada mengakhiri ucapan ini marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha yang dilaksanakan akan mendatangkan hasil serta mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin ya rabbal alamin.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

**Yang Berhormat Awang Haji Daud**

**bin Jihan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu kaola ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 pada Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan dengan 26 Februari 2025.

Kaola suka cita menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola amat menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas titah ucapan setinggi-tinggi penghargaan Baginda kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam sama-sama berusaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi mengongsikan pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini.

Kaola juga menyambut baik keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kepada 2 kali setahun serta mengemaskinikan

peraturan mesyuarat. Langkah ini akan memastikan perbincangan lebih terperinci dan penyelesaian isu-isu utama dapat dicapai dengan lebih sistematik berpaksikan ketelusan.

Kaola yakin perubahan ini akan menjadikan Majlis Mesyuarat Negara lebih berkesan dan berwibawa dalam memperjuangkan kepentingan rakyat serta menyokong pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Sesungguhnya keseluruhan titah baginda itu amat kita junjung tinggi dan menjadi tanggungjawab serta kewajiban kepada semua yang terlibat untuk mananai dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Kaola berdoa bersempena dengan bulan Sya'aban dan bulan Ramadan yang mendatang, semoga Allah melimpahkan kesejahteraan dan kesihatan kepada kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat diraja sekaliannya dan juga kepada rakyat Negara Brunei Darussalam amnya.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berhenti rehat selama 15 minit dan kita

akan menyambung semula mesyuarat ini sebentar tadi...sebentar nanti.

### **(Mesyuarat berehat sebentar)**

### **(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang semula, bagi menyambung perbahasan usul.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

**Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:** Terima kasih Pehin Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola menyokong penuh Usul menjunjung kasih Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Alhamdulillah, kaola amat sukacita merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih ke atas Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan mengurniakan titah di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

## Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2025.

Dalam pandangan kaola, titah baginda amatlah padat dan mempunyai informasi yang cukup bernilai dan perlu ditanai sebagai panduan dan landasan bagi mengerakkan agenda kemajuan negara. Dalam titah Baginda juga menyentuh beberapa perkara utama yang perlu diambil perhatian sewajarnya.

Di antaranya berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Ini termasuklah memperkenankan bagi perubahan terhadap kekerapan Persidangan Majlis kepada dua kali setahun. Perkara ini penting ke arah meningkatkan integriti dan kewibawaan setiap Ahli-Ahli Majlis untuk berfikir secara tebuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam soal ekonomi negara, usaha negara ke arah mempelbagaikan ekonomi sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Perkara ini boleh dilihat melalui pertumbuhan KDNK bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas, yang menunjukkan pertumbuhan 4.3% setahun sepanjang tempoh tahun 2017 hingga 2023.

Kejayaan ini adalah berkat kepimpinan Baginda yang sentiasa komited menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang maju dengan ekonomi yang stabil dan dinamik. Ini

termasuklah membuka peluang-peluang perniagaan kepada anak-anak tempatan dan para pelabur asing dengan menghasilkan produk-produk baru untuk memenuhi pasaran global.

Kaola juga menyambut baik titah Baginda berkenaan dengan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti Pertanian, Pengangkutan, Pendidikan, Kesihatan, Pelancongan, Keselamatan dan Perkhidmatan Awam dengan mengambil kira teknologi didalam menghasilkan produk baharu.

Dalam kata lain menghasilkan produk-produk baharu di dalam sektor pertanian dengan menggunakan teknologi bio yang lebih selamat dan mempunyai pasaran yang lebih tinggi. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, akhirnya kaola penuh berharap agar persidangan ini dapat menwujudkan suasana persidangan yang lebih proaktif dan dalam masa yang sama memberikan pemikiran-pemikiran baru ke arah mencapai hasrat yang diharapkan.

Mengambil sukut baik bulan Syaaban dan kedatangan bulan Ramadan yang penuh kemuliaan ini, kaola dan seluruh rakyat mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja diberikan nikmat sihat, dipanjangkan umur, sentiasa diberi rahmat dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan Negara Brunei Darussalam

dilindungi daripada sebarang bencana dan musibah. Amin ya rabbal alamin.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah.

**Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu kaola sukacita merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan mengurniakan titah di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2025 yang mana titah baginda itu memberikan gambaran jelas berkenaan dengan hasrat dan harapan baginda berkenaan dengan hala tuju wawasan negara ke arah negara maju 2035.

Sesungguhnya, harapan dan wawasan baginda perlu ditanai oleh seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada itu, titah baginda juga menyentuh berkenaan dengan peranan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk

membahaskan perkara-perkara utama terutama memberikan maklum balas terhadap dasar Kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini, kaola mengharapkan agar dasar-dasar yang sedia ada perlu diteliti mengikut kesesuaian semasa. Ini termasuklah dasar-dasar berhubung kait dengan skim bantuan kerajaan kepada mangsa-mangsa banjir dan keluarga daif dan seumpamanya.

Dalam hal ini, kaola juga menjunjung kasih, di atas perkenan Baginda bagi Kementerian Kesihatan mengemaskinikan dasar caj perkhidmatan yang sedia ada untuk penduduk tetap yang tidak menerima taraf kebangsaan, *stateless* itu diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sepertimana yang diberikan kepada warga Negara Brunei Darussalam. Ini menunjukkan sikap prihatin baginda yang sentiasa melihat kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sebagai satu keutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha memantapkan ekonomi negara, sektor perniagaan mikro juga dianggap penting, apatah lagi kebanyakan sektor yang dipelopori oleh bumiputra, kaola menyambut baik titah Baginda berkenaan dengan usaha berterusan kerajaan menggerakkan lebih banyak lagi aktiviti perekonomian dan pelancongan yang mendatangkan kesan

impak positif kepada peniaga-peniaga tempatan.

Dalam hubungan ini juga, kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan produk-produk perkhidmatan pelancongan 'Satu Kampung Satu Produk' Majlis-Majlis Perundingan Kampung agar dapat dihidupkan melalui program-program khusus yang lebih komprehensif, ini termasuklah mengendali inap desa. Pengendali inap desa yang terikat dengan peraturan dan syarat yang perlu diteliti mengikut kesesuaian dan kemampuan pihak pengusaha berkenaan.

Sehubungan dengan ini, program-program transformasi ke arah meningkatkan produktiviti perkhidmatan di dalam sektor pelancongan, perlu diperluaskan skop peranannya. Ini termasuklah menyediakan skim bantuan insentif, inovatif produk dan kaedah pemasaran yang terkini agar ianya mampu bersaing dan berdaya tahan.

Akhirnya, kaola mengharapkan agar persidangan Majlis Mesyuarat kali ini akan memberi kesan yang positif ke arah kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup tah dulu kita berbahas mengenai dengan usul ini pada hari ini dan saya

cadangkan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan.

Insya-Allah, kita akan bersidang semula tertakluk kepada penglihatan anak bulan Ramadan. Jika sekiranya tidak sabit dilihat, maka kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 1 haribulan Mac 2025 mulai pada jam 9.30 pagi dan jika anak bulan Ramadan sabit dilihat, kita akan bersidang pula pada hari Isnin, 3 haribulan Mac 2025 bermula pada pukul 9.30 pagi.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

#### **(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)**